

# KUTKM anjur Karnival Pendidikan

Archival News | Utusan Malaysia | 24/02/2006

MELAKA 23 Feb. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan Karnival Pendidikan KUTKM 2006 di Melaka Sentral pada Sabtu dan Ahad ini mulai pukul 9 pagi hingga 6 petang.

Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUTKM, Prof. Madya Dr. Mohd. Ridzuan Nordin berkata, karnival itu bertujuan menarik minat pelajar supaya memasuki bidang kejuruteraan di KUTKM yang menawarkan program diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

"Karnival ini adalah yang pertama seumpamanya dianjurkan oleh pihak KUTKM," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

KUTKM adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-14 di negara ini yang ditubuhkan pada tahun 2000 dan telah mengeluarkan graduan sulungnya pada bulan Julai tahun lepas.

Menurut Mohd. Ridzuan, fakulti yang akan menyertai karnival itu ialah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Turut mengambil bahagian ialah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Pengajian Siswazah, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Pejabat Pembangunan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa.

Beliau berkata, antara program yang telah diatur sempena karnival ini ialah pameran fakulti-fakulti dan jabatan, panduan tentang pemilihan institusi, program khidmat nasihat mengisi borang UPU, sesi kaunseling pemilihan kursus dan kerjaya, tayangan video serta permainan interaktif.

"Karnival ini dibuka secara percuma kepada semua pelajar dan bekas pelajar sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi, ibu bapa dan orang ramai," ujarnya.

Mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai karnival ini boleh berhubung dengan urus setia karnival di talian 06-2332268/2262/2269.

(Source : Utusan Malaysia)